



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
ISNIN 12 OKTOBER 2020**

BIL.	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1 2.	BERKUALITIKAH RACUN SAH PADI CL2?, DALAM NEGERI, UM -7 PANTAU LADANG BENIH, DALAM NEGERI, UM -7	JABATAN PERTANIAN MALAYSIA (DOA)
3.	AMBIL TINDAKAN TEGAS BEKAL BENIH PADI TIDAK BERKUALITI, DALAM NEGERI, UM -7	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (MADA)
4.	PESAWAH DESAK KERAJAAN BERTINDAK, MUKA DEPAN, UM -1 & 2	INSTITUT KEMAJUAN DAN PENYELIDIKAN PERTANIAN MALAYSIA (MARDI)
5.	DULU AHLI POLITIK, KINI PETANI, DALAM NEGERI, UM -30	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

12/10/2020

UTUSAN

DALAM

7

MALAYSIA

NEGERI

Berkualitakah racun sah padi CL2?

ROMPIN: Timbul keraguan dalam kalangan pesawah di Paya Sepayang di sini sama ada benih 'padi kebal' CL2 yang dipakejkan bersama racun membunuh padi angin berkualiti atau sebaliknya.

Ini kerana, golongan pesawah di situ berasakan seakan ditipu walaupun berbelanja tinggi, namun penggunaan CL2 beserta racun yang dibekalkan masih gagal membunuh padi angin.

Pesawah Paya Sepayang, **Abd. Ghani Mohd. Ros**, 55, berkata, pesawah buntu dan terus mengalami kerugian apabila penggunaan CL2 yang sah belum dapat

menghapuskan padi angin.

"Sudahlah benih dan racun mahal tetapi padi angin masih tidak dihapuskan dengan racun dibekalkan bersama benih CL2 menyebabkan kami tidak tahu berbuat apa dan rasa terbeban.

"Kami pelik, kalau dulu guna tiga paket sahaja racun rumput pun mati bersama padi angin tetapi kini guna 10 paket pun padi angin tak mati, kami rasa tertipu," katanya ketika ditemui *Utusan Malaysia* di Sawah Paya Sepayang di sini.

Benih 'padi kebal' CL2 beserta dengan racun berharga RM95

dijual secara sah bagi mengatasi masalah padi angin yang dihadapi pesawah sejak sekian lama.

Mengulas lanjut, **Abd. Ghani** yang mengusahakan padi lebih 30 tahun berkata, dia mendapatkan benih CL2 yang sah dan mengikut prosedur operasi standard (SOP) ditetapkan.

Katanya, selepas masalah itu berlarutan di seluruh negara seharusnya pihak berkaitan mengkaji semula kandungan racun sama ada sudah tidak sesuai atau mengalami masalah kualiti.

"Ancaman padi angin ini berlaku di seluruh negara dan se-

harusnya pihak berkaitan perlu segera membuat kajian mengenai kandungan racun sama ada masih sesuai atau kurang berkualiti," katanya.

Sementara itu, seorang lagi pesawah, **Abdul Muttalib Abdullah**, 48, berkata, mereka buntu kerana masalah padi angin berlarutan walau pelbagai cara dilakukan mereka.

Ujarnya, dia bukan sahaja menggunakan benih CL2 tetapi melakukan racun tapak sebanyak dua kali sebelum menabur tetapi sia-sia apabila masalah padi angin masih berlaku.



ABD. GHANI MOHD. ROS

Ambil tindakan tegas bekal benih padi tidak berkualiti

Oleh Zaid Mohd. Noor
zaidnoor@mediamaka.com.my

ALOR SETAR: Kementerian Pertanian dan Industri Makanan digesa mengambil tindakan tegas terhadap syarikat pengeluar dan ejen-ejen benih padi yang gagal mematuhi kontrak termasuk membekalkan benih padi tidak berkualiti kepada pesawah.

Pengerusi Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA), Ahmad Tarmizi Sulaiman berkata, syarikat pengeluar padi terlibat perlu bertanggungjawab dengan memastikan pesawah mendapat bekalan padi yang berkualiti.

Bekal berkatu, MADA mengesyorkan syarikat pembekal padi dan pesawah menggunakan benih padi varieti-varieti tempatan yang mengeluarkan hasil tinggi termasuk MR297.

Selain Syarikat Perniagaan Peladang MADA Sdn. Bhd. (MADA Corp), syarikat pengeluar padi lain yang berpusat di kawasan MADA ialah Pertama Padi Sdn. Bhd. dan KB Seri Merbok Sdn. Bhd., katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Mingguan Malaysia semalam melaporkan, ekoran benih padi tidak berkualiti yang dibekalkan oleh syarikat-syarikat pembekal menyebabkan hasil beras negara merosot kira-kira 300,000 tan metrik setahun dengan kerugian para pesawah pula dianggarkan mencecah sehingga RM300,000 juta.

Ahmad Tarmizi berkata, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan juga perlu mengambil tindakan terhadap syarikat berk-



PESAWAH, Yahya Ahmad memikul benih padi untuk ditabur di petak sawahnya di Kampung Alor Setoi, Langgar, Alor Setar, Kedah, semalam. - UTUSAN/MUHAMMAD SHAHIR NOORDIN

naan yang turut memanipulasi-kan harga benih padi dan tidak dapat dibekalkan dalam tempoh sewajarnya.

Difahamkan jumlah pesawah yang terdapat di kawasan MADA ialah 57,635 orang.

Dalam pada itu, menurutnya, pihaknya memberi jaminan bekalan benih padi yang diperitukan pesawah bagi kawasan MADA seluas 100,685 hektar bagi musim 2/2020 yang bermula pada bulan lalu mencukupi.

Ahmad Tarmizi Sulaiman berkata, syarikat pengeluar padi

di kawasan ini mampu membekalkan sebanyak 14,517 metrik tan benih padi sah dan jumlah itu melebihi keperluan bagi kegunaan musim ini iaitu 14,096 tan metrik.

"Kita telah mengarahkan semua Perubuhan Peladang Kawasan (PPK) MADA membuat pesanan awal stok benih padi sah daripada pengeluar.

"Majoriti daripada pesanan yang dibuat oleh PPK MADA adalah daripada MADACorp manakala ia bakinya daripada pengeluar lain," katanya.



AHMAD TARMIZI SULAIMAN

Pantau ladang benih

BAGAN SERAI: Pemantauan rapi perlu dilakukan di ladang benih bagi memastikan hanya benih padi berkualiti dijual kepada pesawah.

Cara itu dapat mengatasi masalah benih kurang berkualiti yang menyebabkan kerugian penghasilan padi merosot.

Di daerah Kerian di sini, ladang benih adalah kawasan petak sawah khas ditanam untuk benih sahaja, bukan dijadikan beras.

Phak berkaitan seperti perubuhan peladang kawasan (PPK) atau Jabatan Pertanian akan memilih pesawah bagi menanam padi yang dikhasakan untuk benih sahaja.

Pesawah, Muslan Hanapiah, 46, berkata, isu benih padi tidak berkualiti sudah lama berlarutan.

Menurutnya, ladang benih perlu diberikan perhatian agar benih dihasilkan benar-benar berkualiti.

Katanya, benih dari ladang padi perlu dipastikan berkualiti sebelum mendayag keluaran daripada agensi yang berkenaan.

"Sekiranya ladang benih tidak dipantau, benihnya mungkin terjejas.

"Jika mau padi yang ditanam memberikan hasil tinggi, pastikan kualiti benih dari ladang benih sebelum diantar ke kilang untuk diproses membuat benih," katanya ketika ditemui di sini semalam.

Pesawah desak kerajaan bertindak

**Oleh MOHD. RIFAAT ABD. HAMID
dan HAFIZ ABD. MUTALIB**
utusannews@mediamulia.com.my

ALOR SETAR: Ambil segera tindakan atau pesawah terus menanggung kerugian apabila dibekalkan dengan benih padi tidak berkualiti sehingga menghasilkan padi angin.

Keadaan ini ditanggung sebahagian pesawah di negeri ini

yang kecewa apabila mendakwa mereka dibekalkan benih padi yang tidak berkualiti sehingga menyebabkan pendapatan terjejas.

Bekalan benih padi yang tidak berkualiti itu menyebabkan hasil padi yang diusahakan juga berkurangan.

Che Ani Md Zain, 66, dari Kampung Matang Mahang, Air Hitam dekat sini berkata, pe-

ngalaman mengalami benih padi tidak berkualiti masih lagi terkesan sejak mengusahakan sawah kira-kira 50 tahun lalu.

Katanya, sebelum ini dia pernah beberapa kali mendapat bekalan benih yang tidak berkualiti sehingga kawasan sawahnya ditumbuhi pokok padi angin.

Bersambung di muka 2

Pesawah desak kerajaan bertindak

Dari muka 1

“Pokok padi angin itu tumbuh berpunca daripada benih padi tidak sah yang saya peroleh. Kesannya saya terpaksa menanggung kerugian walaupun benih padi yang perolehi itu harganya mahal,” katanya di sini semalam.

Mingguan Malaysia semalam melaporkan ekoran benih padi tidak berkualiti yang dibekalkan oleh syarikat-syarikat pembekal menyebabkan hasil beras negara merosot kira-kira 300,000 tan metrik setahun dengan kerugian para pesawah pula dianggarkan mencecah sehingga RM300 juta.

Mazli Md. Isa, 55, dari Kampung Padang Nyior, Kuala Nerang pula berkata, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan perlu mengambil tindakan terhadap syarikat pengeluaran dan ejen-ejen yang membekalkan padi yang tidak berkualiti kepada pesawah.

“Saya mencadangkan supaya kementerian berkenaan supaya

memperbanyakkan lagi syarikat pembekal benih padi di negeri ini memandangkan pada masa ini didapati pembekalan benih padi dimonopoli oleh syarikat tertentu sahaja,” katanya.

Pesawah dari Pendang, **Desa Saidin**, 50, berkata, difahamkan terdapat benih padi yang dibekalkan oleh Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) juga tidak berkualiti.

“Petani di sini berharap peranan Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) dan Jabatan Pertanian supaya dapat menghasilkan benih padi yang lebih berkualiti untuk dibekalkan kepada pesawah,” katanya.

Sementara itu, Pengerusi Suara Tani Malaysia, **Mohd. Shazwan Suban** mendakwa, dia dimaklumkan bahawa terdapat dalam kalangan ‘individu’ di dalam kilang-kilang yang mengambil kesempatan menjual benih padi subsidi tersebut ke-

pada ejen-ejen atau orang tengah dengan harga lebih mahal.

Katanya, apabila sampai kepada orang tengah, mereka menjual benih kepada pesawah dengan harga jauh lebih mahal sehingga mencecah RM50 hingga RM60 manakala bekalan di kilang-kilang pula berkurangan sekali gus tidak mampu menampung keperluan pesawah.

Katanya, berikutan kekurangan bekalan benih di kilang menyebabkan para pesawah tidak ada pilihan terpaksa membeli daripada orang tengah dengan harga lebih mahal.

“Sebagai contoh, ‘orang’ di dalam sesebuah kilang itu memaklumkan kepada pesawah bahawa benih tidak cukup, sedangkan ada pekerja telah ambil dan jual kepada orang lain (orang tengah) atau di kedai-kedai lain dengan harga lebih mahal. Saya melihat ada permainan sesama mereka dalam isu ini,” katanya.

12/10/2020

UTUSAN

DALAM

30

MALAYSIA

NEGERI

Dulu ahli politik, kini petani

KUANG: Dari pada seorang imam kemudian sebagai Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) dan seorang Exco, kini bergelar pula seorang usahawan tani.

Demikian perjalanan hidup Abd. Mutalib Abd. Rahim, 50, yang kini menjadikan sektor pertanian sebagai kerjaya sepenuh masa selepas tidak dipilih semula sebagai calon Pilihan Raya Umum Ke-14 bagi kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) Layang-Layang.

Katanya, selepas tidak terpilih semula sebagai calon pilihan raya, beliau mengambil keputusan menceburi bidang pertanian dengan secara permulaan mena-

nam ubi kayu, keladi dan pisang berangan.

"Saya kemudian membeli sebidang tanah seluas 8.9 hektar meskipun pada awalnya berdepan pelbagai cabaran dan halangan," katanya ketika ditemui di kebunnya di Kampung Isnin Maarof, Simpang Renggam di sini, baru-baru ini.

Menurut Abd. Mutalib, cabaran dan masalah utama dihadapinya adalah banjir hingga menyebabkan 130,000 anak pokok ubi rosak kerana ditenggelami air.

Berikutan itu, beliau membina sistem perparitan yang lebih baik bagi mengelakkan masalah akibat banjir berulang.

Kata beliau, usahanya berbaki apabila tanah seluas 8.9 hektar itu yang ditanam pelbagai jenis tanaman mengeluarkan hasil.

"Soal pasaran tiada masalah kerana dapat permintaan tinggi dalam kalangan pengusaha industri kecil dan sederhana sama ada kepada pemborong hasil pertanian atau dijual terus kepada penduduk yang ke ladang kami.

"Nilai jualan bagi hasil tersebut ada masanya mencapai RM3,000 sehari dan ini amat bertepatan dengan slogan 'Pertanian Adalah Perniagaan' sebagai satu usaha mentranfomasikan bidang pertanian di negara ini," jelasnya.



ABD. Mutalib Abd. Rahim menunjukkan tanaman yang diusahakannya di Kampung Isnin Maarof, Simpang Renggam, Kuang, Johor.